

## **HEBAHAN KEKOSONGAN JAWATAN DI ISLAMIC WORLD EDUCATIONAL, SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANIZATION (ICESCO), RABAT, MAGHRIBI**

- i). KETUA SEKTOR SAINS DAN TEKNOLOGI;**
- ii). PAKAR SEKTOR SAINS DAN TEKNOLOGI; DAN**
- iii). PAKAR SEKTOR PENDIDIKAN**

### **1. Syarat permohonan**

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dalam bidang sains dan teknologi (jawatan ketua/pakar sektor sains dan teknologi) atau pendidikan (jawatan pakar sektor pendidikan);
- ii. Pernah membuat penyelidikan dan menerbitkan artikel dalam bidang sains dan teknologi (jawatan ketua/pakar sektor sains dan teknologi) atau pendidikan (jawatan pakar sektor pendidikan);
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya setahun pengalaman antarabangsa dalam pelaksanaan bidang sains dan teknologi (jawatan ketua/pakar sektor sains dan teknologi) atau pendidikan (jawatan pakar sektor pendidikan);
- iv. Mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman antarabangsa dalam perancangan dan pembangunan bidang sains dan teknologi (jawatan pakar sektor sains dan teknologi) atau pendidikan (jawatan pakar sektor pendidikan);
- v. Mempunyai sekurang-kurangnya lapan tahun pengalaman antarabangsa dalam perancangan dan pembangunan bidang sains dan teknologi (jawatan ketua sektor sains dan teknologi)
- vi. Tidak berumur melebihi 55 tahun semasa tarikh tutup permohonan;
- vii. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dan berupaya membuat keputusan untuk kepentingan organisasi serta komited dengan sesuatu tugas yang diamanahkan;
- viii. Bebas daripada kesalahan jenayah dan tindakan tatatertib;
- ix. Mempunyai purata markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas (2017-2019), sekiranya merupakan penjawat awam;

- x. Diperakukan oleh Ketua Jabatan, sekiranya merupakan penjawat awam;
- xi. Boleh bekerja di dalam persekitaran yang berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) sama ada di dalam atau di luar organisasi;
- xii. Mempunyai kemahiran analitikal dan penulisan yang baik;
- xiii. Mempunyai kemahiran IT yang baik; dan
- xiv. Fasih bertutur dan menulis dalam sekurang-kurangnya dua bahasa ICESCO (Inggeris, Arab dan Perancis).

## 2. Cara permohonan

- i. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan *resume / curriculum vitae* dalam bahasa Inggeris dan salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis dengan jelas perkataan "**PERMOHONAN JAWATAN ICESCO**" pada penjuru atas kanan sampul;
- ii. Dokumen-dokumen tersebut perlu dihantar menerusi Ketua Jabatan sekiranya merupakan penjawat awam, melalui e-mel [isesco.malaysia@moe.gov.my](mailto:isesco.malaysia@moe.gov.my) atau ke alamat di bawah:

**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa/  
Malaysian National Point of Contact for ICESCO  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 7, Blok E8, Kompleks E  
62604 PUTRAJAYA  
(u.p.:Sektor Pelbagai Hala)**

- iii. Tarikh penerimaan permohonan adalah selewat-lewatnya pada **14 Ogos 2020 (Jumaat)**.
- iv. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses
- v. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut, calon-calon yang berminat boleh berhubung dengan *Malaysian National Point of Contact for ICESCO* di alamat emel [isesco.malaysia@moe.gov.my](mailto:isesco.malaysia@moe.gov.my) atau talian +603 8884 6262.